

Lampiran

LAMPIRAN 1

**Bukti men Konun Prosedur Haji
Syariah Selangor 1991**

**Bahagian XIV Enakmen Kanun Prosedur Majlis Syariah (Selangor) 1991
(Sek 87-88)**

- Seksyen 87 - Pihak-pihak dalam sesuatu prosiding digalakkan mengadakan suhu untuk menyelesaikan pertikaian mereka
- Seksyen 88 - (1) Apabila sesuatu tindakan telah diselesaikan mengikut perjanjian pihak-pihak
- a) Mahkamah atau Pendaftara boleh pada bila-bila masa dengan keizinan pihak-pihak mencatatkan kebenaran-kebenaran itu dengan atau tanpa mencatat syarat-syarat; atau
- b) mana-mana pihak kepada penyelesaian itu boleh memohon supaya penyelesaian itu dicatatkan dan Mahkamah, jika berpuashati selepas mendengar pihak-pihak bahawa tindakan itu telah diselesaikan, hendaklah mencatatkan penyelesaian itu dan syarat-syaratnya;
- c) catatan penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan res judicata kepada prosiding kemudiannya
- (2) Mana-mana pihak kepada sesuatu tindakan yang telah diselesaikan boleh mendapat satu salinan sah mengenai penyelesaian yang dicatatkan itu.

LAMPIRAN 2

48

SELANGOR No. 4 TAHUN 2003

Tatacara mengenai pemindahan daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah

93. Jika suatu perintah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah bagi pemindahan mana-mana prosiding daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah, maka Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah hendaklah menghantar kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah fail prosiding itu, segala dokumen, ekshibit dan salinan diperakui bagi nota keterangan, jika ada, dan Pendaftar hendaklah memberikan notis pemindahan itu dalam Borang MS 18, kepada tiap-tiap pihak dalam tindakan itu.

BAHAGIAN XIII

PENYELESAIAN, PENARIKAN BALIK DAN PEMBERHENTIAN

Penyelesaian tindakan

94. Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-termanya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara *res judicata* dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matanya adalah sama.

Penarikan balik tuntutan

95. (1) Plaintiff boleh, dengan kebenaran Mahkamah, pada bila-bila masa sebelum penghakiman, menarik balik mana-mana prosiding keseluruhannya atau sebahagiannya dengan memberikan notis dalam Borang MS 19 kepada Mahkamah dan menyampaikan satu salinan notis itu kepada defendant.

(2) Jika plaintiff menarik balik mana-mana prosiding di bawah subseksyen (1), defendant berhak mendapat kos prosiding itu.

Kesan penarikan balik ke atas prosiding selanjutnya

96. Jika plaintif telah menarik balik prosiding di bawah seksyen 95, dia tidak boleh kemudiannya membawa tindakan bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya adalah sama melainkan jika Mahkamah telah memberikan kebenaran untuk memulakan prosiding yang baru.

Pengantungan

97. Jika plaintif telah menarik balik mana-mana prosiding di bawah seksyen 95 dan dia bertanggungan membayar apa-apa kos mana-mana pihak lain dalam tindakan itu, maka jika sebelum kos itu dibayar dia kemudiannya membawa suatu tindakan bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya adalah sama, Mahkamah boleh memerintahkan supaya prosiding dalam tindakan itu digantung sehingga kos itu dibayar.

Penarikan balik pembelaan

98. Defendan boleh pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada plaintif menarik balik pembelaannya atau sebahagian daripadanya dan hendaklah, dalam keadaan itu, dihalang daripada membela prosiding itu atau mana-mana bahagian daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sulh

99. Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan *sulh* bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.

**Enakmen Kanun Prosedur Hal
Syariah Selangor 1991**

**KAEDAH-KAEDAH
TATACARA MAL
(SULH)
SELANGOR 2001**



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil.

20hb Disember 2001

No.

Sel. P.U. 44.

ENAKMEN KANUN PROSEDUR MAL SYARIAH
SELANGOR 1991

KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL (SULH) SELANGOR 2001

En. 7/91.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 254 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991, Ketua Hakim Syarie membuat kaerah-kaerah yang berikut:

Nama dan mula
berkuatkuasa.

1. (1) Kaerah-kaerah ini bolehlah dinamakan Kaerah-Kaerah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 dan hendaklah dianggap telah mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2001.

En. 4/84.

(2) Kaerah-kaerah ini tidak terpakai bagi sesuatu permohonan untuk mendapat penceraian di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 84, dan prosiding selanjutnya berkenaan dengannya hendaklah dijalankan mengikut Enakmen itu.

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki *Tafsiran*, makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor *En. 7/1991*, 1991;

“Pendengaran” ertinya apa-apa prosiding dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis Sulh yang disebut dalam perenggan 5(1);

“Pegawai awam” termasuklah Pendaftar, Pegawai Syariah dan seseorang Pegawai Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3(2) Akta Bantuan Guaman 1971.

Akta 261.

3. Jika selepas menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kuasa tindakan, Pendaftar berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak kepada tindakan itu, Pendaftar hendaklah—

Menetapkan tarikh Suhu.

- (a) tidak menetapkan tarikh perbicaraan tindakan itu dalam tempoh tiga bulan;
- (b) dengan seberapa segera yang praktik menetapkan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan suhl; dan
- (c) menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu.

4. Jika ada mana-mana pihak telah *disampaikan notis* di bawah perenggan 3(c) tidak hadir pada hari yang ditetapkan, *ketidakhadiran* itu hendaklah menjadi suatu penghinaan Mahkamah dan Bahagian XXX Enakmen hendaklah terpakai kepadanya.

Ketidakhadiran pihak-pihak, dsb.

5. (1) Suhl hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua pihak dan dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie bagi maksud itu.

Tatcara Suhl.

(2) Dalam Majlis Sulh, pihak-pihak hendaklah hadir sendiri dan tiada Peguam Syarie boleh hadir bagi sesuatu pihak dan tiada sesuatu pihak boleh diwakili oleh seorang lain tanpa kebenaran Pengerusi.

(3) Pengerusi hendaklah di mana-mana mungkin membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian yang menjadi hal perkara sulh tersebut hendaklah memberi peluang untuk didengar, boleh mengambil keterangan daripada pihak-pihak itu, menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan dan boleh, jika difikirkan perlu, menangguhkan Majlis itu dari semasa ke semasa.

6. Jika kedua-dua telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengumukakannya kepada pihak-

Penghakiman Pengakuan atau Persetujuan.

pihak untuk disahkan dan ditandatangani dan, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman atau pengakuan atau persetujuan, mengikut mana yang berkenaan di bawah seksyen 88 Enakmen.

Jika tiada
persetujuan dsb.

Perbicaraan.

Tiada Kos.

7. Jika Majlis Suhu itu tidak dapat menyelesaikan pertikaian yang menjadi hal perkara suhu itu dengan memuaskan hati kedua-dua pihak itu, pengerusi hendaklah melaporkan kepada Mahkamah tentang hal sedemikian dan boleh melampirkan kepada laporannya apa-apa nota yang dicatatnya dan membuat apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan tuntutan itu.
8. Mahkamah yang menerima laporan di bawah seksyen 7 hendaklah menetapkan tarikh pendengaran bagi meneruskan prosiding bagi menyelesaikan kes itu.
9. Tiada apa-apa kos boleh dibenarkan bagi prosiding dalam Majlis Suhu ini.

Dibuat pada 24 September 2001.
[PU. Sel. AGM/0011/1.]

KETUA HAKIM SYARIE,
Mahkamah Syariah Selangor

LAMPIRAN 4



Kod Etika Pegawai Sulh

Mahkamah Syariah Negeri.....

.....

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

KOD ETIKA PEGAWAI SULH

Ketua Hakim Syarie menetapkan kod etika berikut :

Nama

1. Kod etika ini hendaklah dinamakan Kod Etika Pegawai Suh

Pemakaian

2. (1) Kod etika ini hendaklah terpakai kepada Pegawai Suh sepangjang tempoh perkhidmatannya.
(2) Perlanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika ini boleh menjadi suatu alasan bagi tindakan diambil di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. [P.U (A) 395 /93]

Tanggungjawab umum

3. Pegawai Suh tidak boleh-
 - a) Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak munasabah bahawa -
 - i. Dia telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas rasminya sebagai Pegawai Suh;
 - ii. Dia telah menggunakan kedudukannya bagi faedahnya sendiri;
 - b) Berkelakuan dengan cara tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah Syariah.
 - c) Membelakangkan tugasnya demi kepentingan persendirianya.
 - d) Bergaul bebas dengan orang ramai dengan cara yang boleh menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil dalam tugas.

- e) Menerima apa-apa hadiah, apabila hadiah tersebut dengan apa-apa cara berkaitan dengan pelaksanaan tugasnya.
 - f) Mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu tanpa diberi keizinan atau kebenaran yang nyata oleh Ketua Hakim Syarie.
 - g) Memberi pendapat mengenai sesuatu perkara atau keadaan yang ianya sedang dibincangkan atau berkemungkinan akan menjadi suatu isu dalam mana-mana Majlis Sulh akan diadakan, kerana pendapatnya itu boleh kemudian digunakan oleh sesuatu pihak untuk menyokong hujahnya.
 - h) Meminjam wang daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang-
 - i. Yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada tugas sulhnya ; atau
 - ii. Yang dengannya dia ada atau mungkin ada urusan rasmi.
 - i) Mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik.
4. Pegawai Sulh hendaklah bersungguh-sungguh dan tidak melengah-lengahkan tanpa alasan yang munasabah menyelesaikan kes sulh dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie dari semasa ke semasa.
5. Pegawai Sulh hendaklah dalam menjalankan tugasnya melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak.
6. Pegawai Sulh hendaklah sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahirannya.

Tanggungjawab Khas

7. Apabila seseorang Pegawai Sulh mengendalikan Majlis Sulh, dia hendaklah –
 - i. Tidak mengendalikan Majlis Sulh apabila dia tidak tenang, marah, lapar, haus , mengantuk, letih dan tidak sihat;
 - ii. Tidak boleh meninggalkan Majlis Sulh seperti yang dijadualkan tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie;
 - iii. Tidak mengendalikan Majlis Sulh di mana pihak yang terlibat itu musuhnya atau sahabatnya yang berkemungkinan akan mempengaruhinya;
 - iv. Bertindak tegas dan adil serta tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir dihadapannya;
 - v. Bersifat terbuka, mesra dan sabar semasa mengendalikan Majlis Sulh;
 - vi. Memastikan prosiding Majlis Sulh dijalankan dengan teratur menurut Manual Kerja Sulh dan mengawal keadaan supaya Majlis Sulh itu berjalan lancar;
 - vii. Menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sukarela;
 - viii. Memberi layanan yang sama rata kepada pihak-pihak;
8. Pegawai Sulh hendaklah :-
 - i. Tidak berat sebelah;
 - ii. Sentiasa berkecuali;
 - iii. Merahsiakan segala perkara yang didedahkan di dalam Majlis Sulh;

- iv. Mengelakkan berlaku konflik kepentingan;
- v. Memastikan bahawa ia mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam hal perkara pertikaian;
- vi. Tidak boleh mengiklankan perkhidmatannya;
- vii. Menolak permohonan menjadi saksi atau penasihat kepada pihak-pihak dalam Majlis Suhu yang pernah dikendalikannya; dan
- viii. Memastikan keselamatan pihak-pihak di dalam Majlis Suhu.

Dibuat pada

DATO' SHEIKH GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

.....

LAMPIRAN 5



Manual Kerja Sulh

Mahkamah Syariah Negeri.....

.....

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Kandungan	Muka Surat
Bab 1 Permulaan	1
Bab 2 Objektif	1
Bab 3 Kenyataan Awal (Al-Ta'arruf) Pegawai Sulh	1-3
Bab 4 Pembentangan Awal Pihak Yang Bertikai	3
Bab 5 Perbincangan Bersama	4
Bab 6 Pertemuan Sebelah Pihak	5-6
Bab 7 Perundingan Bersama	6
Bab 8 Penghakiman Berasaskan Persetujuan	6-7
Bab 9 Kes Diserahkan Kembali	7
Bab 10 Kerahsiaan	8
Lampiran 1 - Doa	
Lampiran 2 - Perjanjian Penyelesaian - Perintah Persetujuan	

MANUAL KERJA SULH MAHKAMAH SYARIAH NEGERI.....

BAB 1

PERMULAAN

Bagi melaksanakan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) 2002 maka diperbuat di bawah ini Manual Kerja Sulh untuk diguna pakai dan dipatuhi oleh Pegawai Sulh.

BAB 2

OBJEKTIF

Manual Kerja ini bertujuan menjelas dan menyeragamkan prosedur yang perlu diikuti oleh semua Pegawai Sulh dalam mengendalikan Majlis Sulh.

BAB 3

KENYATAAN AWAL (*AL TA'ARRUF*) PEGAWAI SULH

- a) Pegawai Sulh selaku Pengerusi Majlis Sulh hendaklah meminta pihak-pihak mengambil tempat masing-masing.
- b) Pegawai Sulh hendaklah memulakan majlis dengan memperkenalkan diri, membaca surah *al-Fatihah* dan doa yang disarankan (rujuk Lampiran 1).
- c) Pegawai Sulh hendaklah memaklumkan pihak-pihak berkenaan tentang prosedur yang dipakai, sambil menimbulkan keyakinan pihak-pihak kepada proses sulh dan kepada diri Pegawai Sulh. Jika difikirkan perlu, galakkan kedua-dua pihak mengemukakan soalan sehingga Pegawai Sulh yakin mereka benar-benar faham apa yang hendak dijalankan.

- i) Pegawai Sulh hendaklah menyatakan kepada pihak-pihak bahawa dia tidak boleh dipanggil di dalam mana-mana prosiding mahkamah berhubung dengan kes itu.

BAB 4

PEMBENTANGAN AWAL PIHAK YANG BERTIKAI

- a) Pegawai Sulh hendaklah meminta Plaintiff/Pemohon membentangkan apa yang dipertikai olehnya, kesan yang timbul dan apa cadangan untuk menyelesaiannya.
- b) Pegawai Sulh kemudian hendaklah meminta Defendant/Responden membentangkan apa yang dipertikai olehnya, kesan yang timbul dan apa cadangan untuk menyelesaiannya.
- c) Setelah mendengar pembentangan kedua-dua pihak, Pegawai Sulh hendaklah membentuk satu peta konflik untuk mengenal pasti skop pertikaian antara kedua-dua pihak. Untuk tujuan itu, Pegawai Sulh hendaklah mengambil masa secukupnya dan tidak melakukannya dengan tergesa-gesa. Selain menyenaraikan perkara-perkara yang dipertikai oleh kedua-dua pihak dalam peta konflik itu, Pegawai Sulh hendaklah juga mengenal pasti sebab konflik itu timbul, halangan yang ada atau dirasakan ada kepada penyelesaian dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai penyelesaian.
- d) Pegawai Sulh hendaklah menyusun dan mengurus maklumat yang diperolehnya bagi menentukan : -
- i. isu atau masalah yang perlu diselesaikan;
 - ii. kedudukan pihak-pihak yang bertikai;
 - iii. kepentingan mereka;
 - iv. alternatif (opsyen) penyelesaian.

BAB 5

PERBINCANGAN BERSAMA

- a) Setelah mendengar pembentangan awal kedua-dua pihak, Pegawai Sulh hendaklah meminta setiap pihak menyatakan pendapatnya tentang perkara yang dipertikaikan itu.
- b) Setelah mendengar pendapat setiap pihak, Pegawai Sulh hendaklah menjelaskan penilaianya berdasarkan peta konflik yang telah disediakan sebelum ini dan berbincang dengan penuh yakin tentang kekuatan dan kelemahan pihak-pihak dalam kes yang berkaitan dan memujuk mereka menerima penilaianya.
- c) Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan pertikaian mereka sepenuhnya, Pegawai Sulh hendaklah menyediakan satu deraf perjanjian penyelesaian yang merangkumi semua isu yang dipertikai
- d) Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan sebahagian besar pertikaian mereka, sambil rela menggugurkan selebihnya, Pegawai Sulh juga boleh menyediakan deraf perjanjian penyelesaian merangkumi perkara yang telah dipersetujui.
- e) Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan sebahagian dari pertikaian mereka sahaja, manakala selebihnya mereka tidak berkenaan menggugurnya, Pegawai Sulh boleh menyediakan deraf perjanjian penyelesaian merangkumi perkara yang telah dipersetujui. Mengenai perkara selebihnya yang masih dipertikai, andainya masa untuk sulh tidak ada lagi ataupun pihak-pihak berkenaan tidak mahu meneruskan sulh (walaupun masa masih ada), Pegawai Sulh hendaklah merujuk perkara-perkara tersebut kepada Pendaftar untuk dibawa terus ke mahkamah untuk dibicarakan.
- f) Kecuali Pegawai Sulh berpuashati bahawa kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan secara sukarela, Pegawai Sulh hendaklah memulakan pertemuan sebelah pihak

BAB 6

PERTEMUAN SEBELAH PIHAK (KAUKUS)

- a) Pegawai Sulh hendaklah menjalankan pertemuan sebelah pihak mengikut giliran yang ditetapkan. Plaintiff / Pemohon hendaklah dipanggil dahulu diikuti oleh pihak Defendant / Responden.
- b) Pegawai Sulh hendaklah memperkasakan setiap pihak untuk mengemukakan kes dan cadangan penyelesaiannya.
- c) Jika mana-mana pihak tidak mampu mengemukakan kesnya secara jelas kerana sebab-sebab tertentu seperti tidak cukup maklumat, tidak ada keyakinan diri, tidak ada kewangan, takut tindak balas, tidak mahir berkomunikasi atau ada kekurangan tertentu, Pegawai Sulh hendaklah bertindak sewajarnya untuk menyeimbangkan keadaan.
- d) Pegawai Sulh hendaklah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kes setiap pihak dan memaklumkan mereka supaya lebih bersedia untuk bertolak ansur.
- e) Pegawai Sulh hendaklah mencari ikhtiar penyelesaian dengan menggunakan pelbagai teknik, antaranya seperti berikut :
 - i. Tanya atau minta cadangan dari pihak-pihak.
 - ii. Nyatakan semula secara terperinci dan tersusun masalah yang dihadapi, supaya lebih mudah dikenal pasti dan difahami. Nyatakan ia sebagai satu "masalah bersama", tanpa meletakkan kesalahan (*blame*) pada mana-mana pihak.
 - iii. Berasaskan peta konflik yang diwujudkan itu, lakukan sumbang saran (*brainstorming*) iaitu mengumpulkan semua ide penyelesaian tanpa mengambil kira merit atau kesesuaianya.
 - iv. Pada masa tertentu Pegawai Sulh hendaklah mendiamkan diri, bagi menggalakkan pihak-pihak berkenaan berusaha lebih bersungguh-sungguh menjana idea mereka sendiri.

- f) Pegawai Sulh hendaklah berlaku adil dan sama rata dalam memperuntukkan masa kaukus.

BAB 7

PERUNDINGAN BERSAMA

- a) Selepas pertemuan sebelah pihak (kaukus) Pegawai Sulh hendaklah mengundang kedua-dua pihak untuk berbincang dalam sesi perundingan secara langsung antara satu sama lain. Matlamat perundingan bersama ini ialah mencapai penyelesaian secara damai berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak secara sukarela.
- b) Sekiranya perundingan bersama pusingan pertama atau pusingan awal belum mendatangkan hasil yang diharapkan, manakala Pegawai Sulh masih yakin penyelesaian secara damai bukan satu perkara yang mustahil, Pegawai Sulh boleh memulakan pusingan kedua dan seterusnya pertemuan sebelah pihak diikuti dengan perundingan bersama

BAB 8

PENGHAKIMAN BERASASKAN PERSETUJUAN

- a) Di akhir prosedur sulh ini, Pegawai Sulh hendaklah memutuskan sama ada sulh yang dijalankan ini berjaya sepenuhnya ataupun tidak.
- b) Sekiranya Sulh berjaya, Pegawai Sulh hendaklah menderaf satu Perjanjian Penyelesaian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak (sepertimana format dalam lampiran 2).
- c) Pegawai Sulh hendaklah memastikan bahawa Perjanjian Penyelesaian itu tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan undang-undang Negeri yang berkaitan.

- d) Pegawai Sulh boleh membenarkan mana-mana pihak merujuk kepada peguam masing-masing deraf Perjanjian Penyelesaian sebelum mereka menandatanganinya. Dalam pada itu Pegawai Sulh hendaklah menasihatkan pihak berkenaan supaya jangan mengubah persetujuan mereka kerana dipengaruhi sebaliknya oleh peguam mereka.
- e) Setelah Perjanjian Penyelesaian ditandatangani oleh kedua-dua pihak di hadapan Pegawai Sulh perjanjian itu hendaklah disampaikan kepada Hakim supaya satu penghakiman berasaskan persetujuan boleh dibuat olehnya.

BAB 9

KES DISERAHKAN KEMBALI

- a) Sekiranya penyelesaian sepenuhnya tidak dicapai tetapi kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan sebahagian sahaja pertikaian mereka, Pegawai Sulh hendaklah mempastikan apakah mereka mahukan perkara-perkara yang disetujui itu direkodkan dalam satu Perjanjian Penyelesaian, manakala selebihnya diserahkan kembali kepada mahkamah untuk dibicarakan ataupun keseluruhan kes itu diserahkan kembali untuk pengadilan.

BAB 10

KERAHSIAAN

Pegawai Sulh hendaklah merahsiakan segala perkara yang dibaungkitkan dalam Majlis Sulh dan tidak boleh mendedahkannya kepada mana-mana pihak termasuklah mahkamah selepas Majlis Sulh selesai, sama ada ia berjaya atau sebaliknya, kecuali setakat mana yang dibenarkan oleh Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (SULH)(Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998).

LAMPIRAN 1

DOA

[BAB 3 (b)]

YA Allah YA Tuhan kami, Yang Maha Mendengar, Maha Pengasih lagi Maha Pengampun.

Jadikanlah pertemuan kami pada hari ini sebagai satu pertemuan yang diberkati dan diredhai oleh Mu. Tautkanlah hati-hati kami dalam mencapai persefahaman dan persepakatan disepanjang pertemuan ini. Jadikanlah hati kami sebagai hati yang patuh kepada kehendak dan tuntutan syariat-Mu. Jauhkanlah kami dari rasa dendam, tamak dan segala sifat-sifat keji, kerana sifat itulah yang telah merosakkan tali silaturrahim yang telah lama bertapak di hati kami.

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon perlindunganMu daripada sesuatu yang kami tidak mempunyai pengetahuan. Dan sekiranya Engkau tidak berikan keampunan kepada kami dan merahmati kami nescaya kami akan termasuk dalam golongan yang rugi. Ya Allah perelokkanlah dalam segala urusan kami dan jauhilah kami daripada kesusahan dunia dan azab hari akhirat.

Ya Allah, terimalah daripada kami sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui dan terimalah taubat kami kerana sesungguhnya Engkau Menerima Taubat dan Maha Mengasihani. Ya Allah bukakanlah kebenaran di antara kami dan kaum kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Sebaik-baik Pembuka Kejayaan.

Ya Allah Ya Tuhan kami, perelokkanlah kesudahan kami dan segala urusan kami dan selamatkanlah kami dari kehinaan godaan dunia dan seksaan akhirat. Oleh itu terimalah taubat kami dan ampunilah segala dosa kami.

Ya Allah! Lembutkanlah hati-hati kedua-dua mereka sepetimana Kamu lembutkan hati Adam dan Hawa, Yusuf dan Zulaikha, Muhammad dan Khadijah dan Aishah.

Wahai Tuhan kami, berikanlah kebaikan dunia dan akhirat kepada kami dan jauhkan kami dari azab api neraka.

Dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabatnya dan segala puji bagi Allah Tuhan Sekalian Alam.

LAMPIRAN 6

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
DI

KES MAL BIL.

ANTARA

..... (K/P:.....) PLAINTIF

DAN

..... (K/P:.....) DEFENDAN

Di hadapan

.....
Pegawai Suh
Di Mahkamah
Pada jam

PERJANJIAN PENYELESAIAN

PERJANJIAN PENYELESAIAN ini diperbuat pada.....antara
.....(K/P:.....)... yang beralamat di..... (selepas ini
dikenali sebagai Plaintiff) dan(K/P.....) yang
beralamat di (selepas ini dikenali sebagai Defendant).

Majlis Suh telah diadakan di antara pihak Plaintiff dan Defendant pada
..... dan di Mahkamah Setelah
perundingan diadakan dalam Majlis Suh, kedua belah pihak Plaintiff dan
Defendant telah secara sukarela bersetuju seperti berikut:-

1.
2.
3.

BAGI MENYAKSIKAN PERJANJIAN PENYELESAIAN ini, kedua-dua pihak mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami kandungan PERJANJIAN PENYELESAIAN ini dan dengan ini kedua-dua pihak menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh seperti tercatat di bawah ini.

Ditandatangani oleh Plaintiff

.....

No K/P :

Pada:

}

.....

No K/P :

Pada.....

}

Dihadapan :

.....

Pegawai Sulh

Mahkamah

Pada.....

}

LAMPIRAN 7

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
DI

KES MAL BIL

ANTARA

..... (K/P:.....)

PLAINTIF

DAN

..... (K/P:.....)

DEFENDAN

Di hadapan

.....
Tuan Hakim.....

Di Mahkamah

Pada jam

DERAF PERINTAH PERSETUJUAN

SETELAH MENELITI PERAKUAN yang dibuat oleh Pegawai Sulu yang diadakan pada.....antara(K/P:.....).... yang beralamat di..... (selepas ini dikenali sebagai Plaintiff) dan(K/P.....) yang beralamat di (selepas ini dikenali sebagai Defendant).

SETELAH MENELITI PERJANJIAN PENYELESAIAN bertarikh pada..... yang ditandatangani olehdan dihadapan.....

SETELAH BERPUSAHATI BAHAWA PERSETUJUAN PENYELESAIAN ini adalah tidak bercanggah dengan Hukum Syarak,

MAKA DENGAN INI DIPERINTAHKAN dengan persetujuan bersama seperti berikut:-

- 4.
- 5.
- 6.

Perintah ini dikeluarkan dengan tandatangan dan cop mohor mahkamah pada.....

.....



MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
ARAS 5 & 6, BANGUNAN MAHKAMAH SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
PERSIARAN PEGAWAI, SEKSYEN 5,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

LAMPIRAN 8

Ruj. Kami : Bil. (20)dim.MTS.Sel 0211

Laman web: www.selangor.gov.my/mss

Tarikh: 23hb.Julai,2002

Kepada,
Semua Penolong Pendaftar,
Semua Pembantu Pendaftar,
Semua Pembantu Tadbir,
Mahkamah Syariah Selangor.

Tuan/Puan,

Arahan Amalan 4/2000 (Pindaan 2002)

Panduan Pendaftaran Kes Mal

1. Lampiran C Perenggan 5 Arahan Amalan asal adalah dipinda dengan menggunakan Arahan Amalan 1/2000 JKSM. seperti dalam jadual.
2. Perkataan 'Ketua Pemuda' dalam perenggan 6(i)(c) dimansuhkan dan diganti dengan perkataan 'Imam Masjid'.
3. Perkataan '(jika perlu)' ditambah pada Lampiran B, B-1-7, B-2-7, B-3-7 dan B-4-7 selepas perkataan Laporan kaunseling.

(ABU BAKAR BIN HJ. MOHD DAUD)

Pendaftar,

Mahkamah Syariah Selangor.

- s.k. Y.A.A. Ketua Hakim Syarie Selangor.
Semua Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.
Semua Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor.
Semua Tuan Pegawai Agama Islam Daerah.
Ketua Pendakwa Syarie Selangor.
Ketua Penguatkuasa Agama Islam Selangor.

B-PEMBUBARAN PERKAHWINAN

B-1 – MOHON BERCERAI

1. Saman	1 asal 2 salinan
2. Penyata Tuntutan	1 asal 2 salinan
3. Borang 6	1 asal 2 salinan
4. Surat Nikah	2 asal 3 salinan
5. Salinan Kad Pengenalan Plaintiff	3 salinan
6. Salinan Sijil Kelahiran anak-anak	3 salinan
7. Laporan Kaunseling	1 asal
8. Bayaran Pendaftaran	RM 49.00

B-2 – MOHON PENGESAHAN CERAI

1. Saman	1 asal 2 salinan
2. Penyata Tuntutan	1 asal 2 salinan
3. Borang 6	1 asal 2 salinan
4. Surat Nikah	2 asal 3 salinan
5. Salinan Kad Pengenalan Plaintiff	3 salinan
6. Salinan Sijil Kelahiran anak-anak	3 salinan
7. Surat lafaz talak (jika lafaz bersurat)	1 asal 2 salinan
8. Bayaran Pendaftaran	RM 49.00

B-3 – MOHON CERAI TAKLIQ

1. Saman	1 asal 2 salinan
2. Penyata Tuntutan	1 asal 2 salinan
3. Borang 7	1 asal 2 salinan
4. Surat Nikah	2 asal 3 salinan
5. Salinan Kad Pengenalan Plaintiff	3 salinan
6. Salinan Kad Pengenalan 2 saksi	3 salinan
7. Laporan kaunseling	1 asal
8. Salinan sijil kelahiran anak-anak	3 salinan
9. Bayaran Pendaftaran	RM 59.00
10. Bukti suami lafaz takliq (jika takliq surat nikah tidak ditandatangan)	3 salinan.

B-4 – MOHON CERAI PASAKH

1. Saman	1 asal 2 salinan
2. Penyata Tuntutan	1 asal 2 salinan
3. Borang 8	1 asal 2 salinan
4. Surat Nikah	2 asal 3 salinan
5. Salinan Kad Pengenalan Plaintiff	3 salinan
6. Salinan Kad Pengenalan 2 saksi	3 salinan
7. Laporan kaunseling	1 asal
8. Salinan sijil kelahiran anak-anak	3 salinan
9. Bayaran Pendaftaran	RM 59.00

LAMPIRAN 9



MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
ARAS 5 & 6, BANGUNAN MAHKAMAH SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
PERSIARAN PEGAWAI, SEKSYEN 5,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Ruj. Kami : Bil. (30)dlm.MTS.Sel. 0211

Laman web: www.selangor.gov.my/mss

Kepada,
Semua Pegawai Suh
Mahkamah Rendah Syariah Selangor.


Tuan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE 9/2002
BIDANG KUASA PEGAWAI SULH (HAKIM)**

Mesyuarat Hakim/Pendaftar Mahkamah Syariah Selangor pada 6hb.Ogos,2002 di Klebang Beach Resort, Melaka telah bersetuju untuk menerima maklumat arahan berhubung kuasa-kuasa Pegawai Suh sebagai hakim adalah tertakluk seperti berikut:-

- a) Mendengar lafaz wakalah, affidavit selari dengan Arahan Amalan JKSM 6/2002.
- b) Pegawai Suh yang boleh menjalankan tugas-tugas kehakiman adalah Pegawai Suh yang diberi tauliah di bawah Seksyen 40(1) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 2/89.
- c) Menangguhkan mana-mana prosiding dan menetapkan tarikh untuk perbicaraan, menjalankan semua tugas dan kuasa hakim yang diberi oleh mana-mana undang-undang berrulis.
- d) Tidak boleh membicara, memutus bagi kes-kes yang telah melalui Majlis Suh di hadapannya.
- e) Tidak boleh mendengar dan memutus kes-kes yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.
- f) Kuasa untuk mentafsirkan kos.
- g) Kuasa membuat pembahagian dan pengiraan Sijil faraid.
- h) Boleh mendengar permohonan untuk tangguhan pertuduhan dan menentukan bentuk jaminan serta amaun jaminan.
- i) Mengeluarkan apa-apa perintah waran tangkap (Seksyen 37 Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor 6/91) dan perintah waran geledah (Seksyen 43 Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah).

2. Pegawai Sulh yang tidak mempunyai tauliah hakim hanya boleh menjalankan kuasa-kuasa di perenggan (g) sahaja.
3. Pekeliling Ketua Hakim Syarie ini berkuatkuasa serta-merta.



(Y.A.A HAJI ZOHDI BIN HJ. TOHA, PJK.,)
Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Selangor

.....

LAMPIRAN 10

Bil. _____ No.Kes _____ Tarikh Kajian _____

Fail Mahkamah Rendah/Tinggi/Rayuan Syariah _____

1. Latar Belakang

<i>i</i>	Pemohon	Penentang
Jantina		
Umur/T.Lahir		
Pekerjaan		
Pendapatan		
Bil Anak		
T. Nikah/Cerai		

2. Jenis-jenis permohonan sulu

Tuntutan Nafkah (isteri/iddah/tunggak/semestara/anak)	
Tuntutan harta sepencarian	
Tuntutan mut'ah	
Maskahwin tertunggak	
Pelaksanaan perintah mahkamah	
Permohonan/Pengesahan cerai	
Lain-lain	

3. Tarikh-tarikh

Tarikh daftar kes/fail	
Tarikh Notis sulu dikeluarkan	
Tarikh Prosiding	
Tarikh keputusan	
Sulu berjaya – Tarikh di bawa kehadapan hakim untuk perintah	
Sulu gagal – Tarikh Perbicaraan	

4. Status Kes Sulu

Berjaya Keseluruhan	
Gagal Keseluruhan	
Berjaya dalam separuh permohonan	

5. Sebab-sebab gagal

Tidak berkeupayaan membuat keputusan	Tiada Persediaan
Tiada komitmen utk selesai pertikaian	Dipengaruhi pihak ke3
Tiada Persetujuan	Tiada maklumat
Plaintif tidak hadir	Defendant tidak hadir
Lain-lain: Nyatakan:	Plaintif dan Defendant tidak hadir

6. Pelepasan hak di bawah permohonan s. 47

Tidak membuat apa-apa tuntutan	
Mut'ah +Nafkah 'iddah+Nafkah anak	
Mut'ah + Nafkah 'iddah	
Hadanah	
Nafkah iddah	
Nafkah Anak	
Nafkah'iddah + Nafkah Anak	
Lain-lain	

PROSES BIASA PEJALAHAN SESUATU KES DI MAHKAMAH

PROSES BIASA PEJALAHAN SESUATU KES
DI MAHKAMAH DENGAN ADANYA MAJLIS SULH

LANGKAH 1

Pendaftaran Kes
Permozonan Cerai (S.47) /
Pengesahan Lafaz Cerai Luar Mahkamah (S.45)

Sebutan / Bicara

Keputusan
Hakim Membenarkan Lafaz Cerai (S.47) /
Hakim Mensabitkan Lafaz Cerai (S.45)

Tuntutan-tuntutan Barbangkit Dari Suatu Perceraian
Muta'ah, Nafkah 'Idah, Hendaah Syariah :
Harta Sepencarian Alih dan lain-lain

Di Mahkamah Tinggi Syariah :
Hak Jagaan Anak, Hak Lavatan, Harta Sepencarian Titik
Alih dan lain-lain

Sebutan / Bicara

Keputusan

Majlis Sulh Berjaya
Plaintif dan Defendan
Mencapai Persetujuan
Majlis Sulh Gagal
Plaintif dan Defendan
Tiada Persetujuan
Perbincangan Tentang Tuntutan-tuntutan
Barbangkit Dari Suatu Perceraian
Sebutan / Bicara
Keputusan
Hakim Memberikan Lafaz Cerai (S.47) /
Hakim Mensabitkan Lafaz Cerai (S.45)
Dan Persestuan Majlis Sulh
Dijadikan Perintah Mahkamah
Sebutan / Bicara
Keputusan
Hakim Membenarkan Lafaz Cerai (S.47) /
Hakim Mensabitkan Lafaz Cerai (S.45)

Diikuti Dengan Langkah 2 Disabehlah

LAMPIRAN 11

LANGKAH 1

Pendaftaran Kes
Permozonan Cerai (S.47) /
Pengesahan Lafaz Cerai Luar Mahkamah (S.45)

Sebutan / Bicara

Pendaftaran Kes
Permozonan Cerai (S.47) /
Pengesahan Lafaz Cerai Luar Mahkamah (S.45)

Majlis Sulh
Plaintif dan Defendan
Mencapai Persetujuan
Majlis Sulh Berjaya
Plaintif dan Defendan
Mencapai Persetujuan
Perbincangan Tentang Tuntutan-tuntutan
Barbangkit Dari Suatu Perceraian
Sebutan / Bicara

Majlis Sulh Gagal
Plaintif dan Defendan
Tiada Persetujuan
Majlis Sulh Berjaya
Plaintif dan Defendan
Mencapai Persetujuan
Majlis Sulh Gagal
Plaintif dan Defendan
Tiada Persetujuan
Perbincangan Tentang Tuntutan-tuntutan
Barbangkit Dari Suatu Perceraian
Sebutan / Bicara
Keputusan
Hakim Memberikan Lafaz Cerai (S.47) /
Hakim Mensabitkan Lafaz Cerai (S.45)
Dan Persestuan Majlis Sulh
Dijadikan Perintah Mahkamah
Sebutan / Bicara
Keputusan
Hakim Membenarkan Lafaz Cerai (S.47) /
Hakim Mensabitkan Lafaz Cerai (S.45)

Sebutan / Bicara
Keputusan
Hakim Memberikan Lafaz Cerai (S.47) /
Hakim Mensabitkan Lafaz Cerai (S.45)

LAMPIRAN 12

Statistik Kes Sulih Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
Mei 2002 – Mei 2003

Senarai Mahkamah	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh
			Berjaya	Bicara	
MTS Shah Alam	0	159	33	68	59
MRS Shah Alam	0	129	62	47	20
MRS Klang	0	271	240	24	7
MRS Kuala Langat	0	73	66	6	1
MRS Kuala Selangor	0	91	58	31	2
MRS Sabak Bernam	0	73	61	9	3
MRS Petaling Jaya	0	204	118	80	6
MRS Gombak Barat	0	90	61	23	6
MRS Gombak Timur	0	89	49	38	2
MRS Hulu Langat	0	178	150	27	1
MRS Sepang	0	97	80	11	6
MRS Hulu Selangor	0	75	51	24	0
Jumlah	0	1529	1029	387	113
		100%	67%	25%	8%


D. shle
D. shle

YAA DATO' HJ ZOHDI & HJ TOHA DPMS, PJK
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN 13

Statistik Kes Sulh Mjabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor ; Mei 2002 – Disember 2003

Senarai Mahkamah	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh
			Berjaya	Bicara	
MTS Selangor	0	300	88	151	61
MRS Shah Alam	0	239	131	83	25
MRS Klang	0	387	348	37	2
MRS Kuala Langat	0	148	121	23	4
MRS Kuala Selangor	0	161	104	53	4
MRS Sabak Bernam	0	111	96	12	3
MRS Petaling Jaya	0	331	215	107	9
MRS Gombak Barat	0	154	102	37	15
MRS Gombak Timur	0	145	87	54	4
MRS Hulu Langat	0	306	258	47	1
MRS Sepang	0	132	106	25	1
MRS Hulu Selangor	0	141	92	37	12
Jumlah	0	2555	1748	666	141
		100%	68%	26%	6%

D: silam


YAA DATO' HJ ZOHDI B HJ TOHA DPMS, PJK

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN 14

Statistik Kes Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
Januari Disember 2003

Senarai Mahkamah	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh
			Berjaya	Bicara	
MTS Shah Alam	35	215	73	116	61
MRS Shah Alam	0	191	106	60	25
MRS Klang	0	237	216	19	2
MRS Kuala Langat	0	111	87	20	4
MRS Kuala Selangor	1	116	78	35	4
MRS Sabak Bernam	3	75	69	6	3
MRS Petaling Jaya	15	211	172	45	9
MRS Gombak Barat	0	111	66	30	15
MRS Gombak Timur	5	98	62	37	4
MRS Hulu Langat	2	219	186	34	1
MRS Sepang	9	64	54	18	1
MRS Hulu Selangor	3	101	69	23	12
Jumlah	73	1749	1238	443	141
Jumlah Keseluruhan			1822	1238	443
			100%	68%	24%
					8%

Diselesa

YAA DATO' HJ ZOHDI B HJ TOHA DPMS. PJK
Ketua Hakim Syarie
 Jabatan Kehakiman Syariah
 Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN 15

Statistik Mengikut Pecahan Kes Januari-Okttober 2003

[MRS Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak Barat (Kuang), Gombak Timur (Keramat), Klang, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, Shah Alam (Mac hingga Oktober 2003) Statistik ini tidak termasuk MRS Hulu Selangor, MRS P.Jaya dan MTS Selangor]

Kategori Kes/Seksyen	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh
			Berjaya	Bicara	
Perkahwinan					
13	1	1	0	1	1
18	0	1	0	1	0
23	1	20	17	1	1
Perceraian					
45	46	255	217	28	48
47	94	508	423	81	98
49	0	1	1	0	0
50	16	28	12	13	19
53	4	6	4	3	3
Peruntukan Kewangan					
58	34	34	12	21	35
122	2	2	1	1	2
60	12	16	7	6	15
61	0	1	1	0	0
66	14	19	11	5	17
67	2	8	5	3	2
70	4	4	3	1	4
73	74	86	43	36	81
76	20	10	6	2	22
Hadalah					
82	9	3	2	1	9
Lain-lain					
132	10	25	19	3	13
134	3	3	2	1	3
135	1	2	0	1	2
148	0	1	0	0	1
Jumlah	347	1034	786	209	376

YAA DATO' HJ ZOHDI B HJ TOHA DPMS. PJK
Ketua Hakim Syarie
 Jabatan Kehakiman Syariah
 Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN 16

ANALISA PECAHAN KES MALKAMAH SYARIAH SELANGOR TAHUN 1997

Malkamah/ Jenis Kes	MTS	Petaling	Shah Alam	Sabak Bernam	Kuala Selangor	Klang	Kuala Langat	Hulu Langat	Sepang	Gombak Timur	Gombak Barat	Hulu Selangor	Jumlah
Nikah bawah umur	0	5	5	3	4	4	4	0	0	6	4	5	40
Pengesahan	2	1	6	0	0	11	1	11	0	5	3	4	44
Nikah	15	41	56	15	15	52	30	90	17	25	37	8	401
Wali Hakim	10	18	2	10	33	11	23	6	13	19	7	154	
Polygoni	2	96	123	21	43	157	54	205	28	92	109	30	958
Pengesahan	0	96	119	45	40	105	34	144	22	57	78	32	781
Cerai	9	34	37	39	25	53	20	77	15	21	32	10	363
Permohonan	1	5	8	0	0	5	3	1	0	0	3	0	59
Cerai	0	0	0	0	0	2	0	0	1	1	3	0	29
Khulq	0	34	9	0	0	0	0	0	1	1	0	0	4
Taklik	0	1	5	0	0	3	0	0	0	0	3	0	5
Fasakh	34	1	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Muiyah	1	6	6	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
HSepencarian	30	3	10	0	0	4	3	25	3	5	5	4	1
Nafkah isteri	1	10	21	0	2	8	4	8	1	2	5	2	55
Nafkah anak	0	10	5	0	0	3	1	2	2	6	3	1	63
Ubah perintah	4	1	9	0	0	3	1	2	2	6	3	1	28
Hadhanah	61	9	9	0	0	3	1	3	0	8	8	1	103
Ex-Parte	17	3	2	0	0	0	0	4	0	3	2	0	31
Kita Perintah	4	3	17	1	0	2	2	10	1	6	13	3	62
Nafkah edal	0	0	0	0	0	2	2	2	0	1	3	0	10
Wali Enegan	0	0	0	0	0	7	3	1	0	2	4	1	18
Tegnalkah	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	2
Nusuz	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2
Ex-Parte 8!	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	24
Lain-lain	22	2	2	1	0	0	3	2	2	1	0	2	42
Jumlah	227*	329	453	127	139	461	180	618	98	260	332	107	3331
Faraid	77	9	17	8	9	36	7	36	0	33	0	0	232
Rayaun	0	0	0	0	0	0	2	0	0	4	2	3	9
Jumlah Besar	304	338	470	135	148	497	189	654	98	297	334	110	3572

Analisa Pecahan Kes Malaikat Syariah Selangor 1998

Bil	Parkarales	Kod	MTS	Petaling	Shah Alam	Sabak Bernam	Kuala Selangor/Klang	Kuala Langat	Hulu Langat	Segamat	Gombak Timur	Gombak Barat	Hulu Selangor	Jumlah
1	Nikah Biawak Umur	2	0	5	0	2	1	30	6	131	3	13	1	24
2	Pengesahan Nikah	3	0	0	1	0	1	6	17	64	9	22	17	3
3	Wali Hakim	4	3	47	54	13	16	68	17	64	9	22	38	16
4	Wali Enggan	5	0	0	0	0	3	2	0	0	0	3	4	16
5	Pollgami	7	0	19	16	5	8	33	12	42	3	11	24	0
6	Permozonan Cerai	11	1	89	128	28	52	139	40	229	66	24	33	16
7	Pengesahan Cerai	9	0	121	135	28	30	168	41	216	34	82	118	25
8	Khalud	12	0	5	1	1	0	0	1	0	0	0	0	8
9	Taliq	13	0	32	35	19	25	58	16	147	9	15	34	23
10	Fasikh	14	0	14	25	4	9	14	5	28	2	7	11	413
11	Mutrah	16	7	6	17	0	1	9	0	25	0	2	1	123
12	Harfa Sepencarian	17	43	4	4	0	0	8	0	11	1	2	0	68
13	Harfah Iserti	18	0	5	15	0	0	6	2	73	4	5	2	80
14	Hidayah	19	0	4	8	0	2	1	0	7	0	4	1	110
15	Harfah edah	22	0	4	6	1	1	6	0	6	1	0	0	23
16	Ubah Perintah Harfah	23	2	4	0	2	3	1	8	0	6	7	3	30
17	Tunggakan Harfah	24	1	2	7	0	0	0	0	0	0	2	1	38
18	Harfah anak	28	1	6	4	1	4	21	2	19	1	2	4	14
19	Ex-Parte(s)	29	0	0	1	2	3	1	0	0	5	3	4	69
20	Hedhanah	29	0	7	31	0	3	8	1	18	2	5	7	0
21	Ex-Parte	34	10	3	7	0	1	2	0	20	1	0	2	82
22	Kutukus perintah	38	3	0	8	0	1	7	1	23	0	4	5	46
23	Lain-lain	42	23	22	50	0	0	0	0	5	1	10	3	53
	Jumlah	94	397	556	103	163	593	148	1135	94	257	369	124	4033

Analisa Pecahan Kes Mal Mahkamah Syariah Selangor 1999

LAPORAN BULANAN KES MAL MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR
TAHUN 2000

Bil	Perkara/kes	Kod	Baki	Daftar	Selesai	Tangguh	Jumlah
1	Pertunangan	1	4	0	4	0	8
2	Nikah Bawah Umur	2	2	64	42	24	132
3	Pengesahan Nikah	3	15	121	106	30	272
4	Wali Hakim	4	19	437	407	49	912
5	Wali Enggan	5	2	20	5	17	44
6	Poligami	7	41	142	122	61	366
7	Pendaftaran Nikah	8	27	107	80	54	268
8	Pengesahan Cerai	9	480	1011	857	634	2982
9	Permohonan Cerai	11	437	859	735	561	2592
10	Khuluq	12	1	15	1	15	32
11	Takliq	13	258	333	227	364	1182
12	Fasakh	14	195	193	95	293	776
13	Mutaah	16	75	44	24	95	238
14	Harta Sepencarian	17	134	65	33	166	398
15	Nafkah isteri	18	29	18	17	30	94
16	Nusyus	19	25	4	12	17	58
17	Nafkah edah	22	30	41	9	62	142
18	Ubah perintah Nafkah	23	17	18	13	22	70
19	Tunggakan Nafkah	24	12	22	8	26	68
20	Hak Tempat Tinggal	25	5	4	2	7	18
21	Nafkah anak	26	43	77	40	80	240
22	Ubah P. Jaga anak & Nafkah	27	18	41	20	39	118
23	Ubah P. Jaga anak	28	2	6	1	7	16
24	Ex-Parte(81)	29	4	20	9	15	48
25	Hadhanah	29	137	105	59	183	484
26	Ex-Parte 105	33	4	6	5	5	20
27	Ex-Parte 106	34	18	25	17	26	86
28	Ex-Parte 107	35	14	49	31	32	126
29	Kuatkuasa perintah	38	55	55	45	65	- 220
30	Sek 134	39	7	7	4	10	28
31	Perintah Memenjara	41	20	52	16	56	144
32	Lain-lain	42	64	71	34	101	270
Jumlah			2203	4041	3081	3163	12452

Analisa Pecahan Kes Mal Mahkamah Syariah Selangor Bagi Tahun 2001

Bil	Perkara/Kes	Kod	Baki	Daftar	Selesai	Tangguh
1	Pertungan	8	0	0	0	0
2	Nikah Bawah Umur	50	19	32	31	15
30	Pengesahan Nikah	10	40	66	57	7
4	Wali Hakim	51	37	474	445	85
5	Wali Enggan	52	16	27	8	20
6	Poligami	11	58	163	124	99
7	Pendaftaran Nikah	12	69	140	113	43
8	Pengesahan Cerai	54	630	999	854	601
9	Permohonan Cerai	55	551	964	747	712
10	Khulu'	56	11	3	54	54
11	Taliq	57	337	259	215	297
12	Fasakh	14	270	178	118	319
13	Mut'ah	16	91	43	12	126
14	Harta Sepencarian	17	167	53	31	185
15	Nafkah Isteri	18	26	57	9	26
16	Nusyuz	58	13	1	4	6
17	Nafkah 'Iddah	21	55	30	11	60
18	Ubah Perintah Nafkah	22	22	23	14	30
19	Tunggakan Nafkah	23	24	8	7	24
20	Hak Tempat Tinggal	59	6	0	0	6
21	Nafkah Anak	24	71	30	31	78
22	Ubah P. Jaga Anak & Nafkah	26	65	4	5	40
23	Ubah P. Jaga Anak	25	11	8	4	28
24	Ex-Parte (81)	29	6	0	0	7
25	Hadalah	29	182	87	68	188
26	Ex-Parte (105)	4	6	4	0	11
27	Ex-Parte (106)	32	27	30	21	56
28	Ex-Parte (107)	5	30	42	31	38
29	P. Suami Bersama Semula	60	1	11	4	4
30	Kuatkuasa Perintah	33	53	39	15	65
31	Seksyen 134	34	26	9	5	20
32	Perintah Memenjara	36	50	48	26	78
	Lain-lain	99	92	72	32	102
	Jumlah					

**Analisa Pecahan Kes Mal Mahkamah Syariah Selangor Bagi Tahun 2002
(Januari – Mei*)**

Bil	Perkara/Kes	Kod	Baki	Daftar	Selesai	Tangguh
1	Pertunangan *	8	0	0	0	0
2	Nikah Bawah Umur	50	17	0	0	17
30	Pengesahan Nikah	10	13	4	2	16
4	Wali Hakim	51	89	44	34	99
5	Wali Enggan	52	6	3	0	9
6	Poligami	11	116	16	11	121
7	Pendaftaran Nikah	12	36	5	4	37
8	Pengesahan Cerai	54	730	51	39	742
9	Permohonan Cerai	55	846	87	55	878
10	Khulu'	56	6	0	0	6
11	Ta'liq	57	341	24	12	352
12	Fasakh	14	319	8	6	321
13	Mut'ah	16	134	1	3	123
14	Harta Sepencarian	17	191	3	1	193
15	Nafkah Isteri	18	26	2	0	28
16	Nusyuz	58	3	0	0	3
17	Nafkah 'Iddah	21	61	3	0	64
18	Ubah Perintah Nafkah	22	31	0	0	31
19	Tunggakan Nafkah	23	25	0	0	25
20	Hak Tempat Tinggal	59	7	0	0	7
21	Nafkah Anak	24	77	5	2	80
22	Ubah P. Jaga Anak & Nafkah	26	52	5	1	56
23	Ubah P. Jaga Anak	25	7	2	0	9
24	Ex-Parte (81)	29	17	0	0	17
25	Hadanan	29	185	10	1	194
26	Ex-Parte (105)	4	11	0	0	11
27	Ex-Parte (106)	32	59	1	0	60
28	Ex-Parte (107)	5	38	3	2	39
29	P. Suami Bersama Semula	60	0	0	0	0
30	Kuatkuasa Perintah	33	63	2	0	65
31	Seksyen 134	34	23	1	1	23
32	Perintah Memenjara	36	84	1	1	84
	Lain-lain	99	126	9	4	131

*Bagi MTS Shah Alam (Dewan 1 & 2), MRS Gombak Barat, Gombak Timur, Sepang, Klang, Petaling, Shah Alam, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan statistik sehingga April 2002 bagi MRS Hulu Selangor

LAMPIRAN 17

Soalan-Soalan Panduan Untuk Sesi Temubual

1-Latar belakang pengamalan sulu di Malaysia

- Sebelum prosedur sulu mula dilaksanakan apakah tindakan yang diambil oleh JKSM bagi menggubal peruntukan undang-undang berkaitan sulu?
- Apakah sebab-sebab yang mendorong kepada penggubalan peruntukan sulu?
- Apakah JKSM menerima pakai sepenuhnya prosedur sulu yang dilaksanakan di negara-negara seperti Singapura, Mesir dll?

2-Latar belakang Pegawai Sulu

- Boleh berikan latar belakang pendidikan Tuan ?
- Umur
- Pengalaman bekerja
- Taraf jawatan

3-Prosedur pelaksanaan - Proses

- Bilakah prosedur ini mula dilaksanakan?
- Boleh terangkan carta aliran kes sulu?
- Berapa lamakah tempoh masa yang diambil bagi menyelesaikan sesuatu kes?
- Kenapakah sesetengah kes tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditentukan
- Berapakah sesi yang perlu dihadiri bagi menyelesaikan sesuatu kes
- Apakah yang menyebabkan kes-kes tidak dapat diselesaikan secara sulu
- Bagaimanakah bentuk panggilan kepada pihak-pihak untuk hadir ke majlis sulu
- Bolehkah seseorang itu dianggap menghina mahkamah jika dia gagal untuk hadir setelah disaman untuk menghadiri M.Sulu
- Dalam keadaan mana seseorang itu dianggap menghina mahkamah
- Berapa banyakkah kes-kes yang dilaporkan sebagai menghina mahkamah
- Bilakah sesuatu kes dikategorikan sebagai gagal
- Apakah jenis-jenis kes yang difaiklan
- Menurut peruntukan KTMSS, tuntutan di bawah sek 45 dan 47 tidak boleh difaiklan di bawah KTMSS, tetapi laporan statistik menunjukkan tuntutan di bawah seksyen berkenaan paling banyak dituntut. Apakah justifikasi kepada tindakan ini.
- Bagaimanakah tuntutan sulu mengenai penjagaan anak (hadanah) dan poligami diselesaikan
- Bagaimanakah sikap tidak menyebelahi mana-mana pihak (impartial) diaplilikasikan
- Kenapakah pihak-pihak mempunyai komitmen serta kesediaan dan kerelaan untuk menghadiri majlis sulu berbanding prosedur perbicaraandi hadapan hakim?
- Apakah faktor yang mendorong pihak-pihak bersedia bertolak ansur dalam sesetengah tuntutan yang dibuat

Pernahkah terjadi kes-kes tarik balik persetujuan?, jika ada, kenapakah pihak-pihak bertindak demikian? dan dalam peringkat (prosiding) mana mereka berbuat demikian?

Apakah peruntukan KTMSS membenarkan "pihak-pihak menarik balik persetujuan yang dibuat?

Apakah bentuk-bentuk hukuman bagi mereka yang menarik balik persetujuan yang dibuat

Setakat prosedur ini dilaksanakan berapa banyakkah kes-kes tarik balik persetujuan?

Adakah pihak-pihak maklum bahawa mereka boleh menarik balik persetujuan yang dibuat

Kenapakah sesetengah pihak tidak menarik balik persetujuan tersebut walaupun mereka tahu, boleh berbuat demikian?

Apakah wujud unsur manipulasi dalam proses mencapai sulu?

Dalam kes tuntutan perceraian terdapat banyak penyelesaian yang dilakukan dengan cara isteri melepaskan haknya dari tanggungjawab suami, Kenapakah perkara ini berlaku?

Apakah tindakan ini dibenarkan dan diluluskan? Dan jika diluluskan apakah implikasi terhadap hak yang digugurkan tersebut?

Jika isteri dianiayai oleh suami dan isteri memohon perceraian, dan suami bersedia menceraiakan isteri dengan syarat isteri menggugurkan hak-hak selepas perceraian, Apakah tuntutan ini diluluskan? Dan kenapakah isteri bertindak sedemikian?

Adakah pihak-pihak mematuhi perintah persetujuan yang telah diendos oleh mahkamah

Jika pihak-pihak tidak bersedia melakukan sulu apakah tindakan yang dilakukan?

Apakah faktor yang menyumbang kepada kejayaan prosedur sulu

LAMPIRAN 18

Senarai Pihak-Pihak Yang DiTemubual

YAA Dato' Sheikh Ghazali bin Abd Rahman Ketua Pengarah JKSM

YAA Dato' Dr Abdullah Abu Bakar Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Trengganu

YA Tuan Zulfikri bin Yasoa Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya

YA Tuan Hj Naim bin Hj Mokhtar Hakim Mahkamah Rendah Syariah W. Persekutuan K.Lumpur

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Tuan Abu Bakar bin Daud

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Tuan Abd Malik

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Klang: Puan Siti Noraini Ahmad

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor Puan Nik Suhaila bt Nik Hussin

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Sepang Tuan Shukran bin Yusof

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Tuan Azmi bin Aziz

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat Tuan Saharuddin bin Selamat

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat Tuan Drs. Atras Bin Hj Mohamad Zin

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat Tuan Jamil bin Ahmad

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur Puan Mazlina bt Jelani

Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam Tuan Khairul Azwadi

Pegawai Suhu Mahkamah Tinggi Syariah Tuan Mohamad Ridzuan bin Zainudin